

18/01/2003

Mangsa serangan harimau dibantu

BERSYUKUR! Penoreh getah, Mat Zin Ismail, 56, (kanan) membaca doa kesyukuran sebelum menerima sumbangan untuk mangsa serangan harimau yang disampaikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menyampaikan sumbangan itu pada majlis Pemimpin Bersama

Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Lanas, di Jeli sempena lawatan dua harinya ke Kelantan, kelmarin.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed (kiri) yang juga ketua Umno bahagian Jeli.

Dalam kejadian 10 Julai tahun lalu, isteri Mat Zain, Siti Eshah Mamat, 48, dibaham harimau dan mayatnya ditemui dalam keadaan kepala putus manakala kedua-dua tangannya hilang tidak jauh dari tempatnya menoreh getah di Bukit Kera, Kampung Baru, Jeli.

Mat Zin yang terselamat dikatakan menoreh di tempat berasingan dan hanya mendengar jeritan isterinya.

Turut menerima sumbangan wang tunai itu ialah lima lagi keluarga mangsa

harimau selain mangsa yang terselamat, Abdullah Mamat ketika diserang binatang buas itu di Jeli, 4 Ogos lalu.

Bantuan turut disampaikan oleh Dr Mahathir kepada 20 pelajar miskin di Jeli.